Sinar Harian
27 June 2019

# Hairul Azreen dilantik jadi duta jenama

**SUN** Life Malaysia Assurance Berhad dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad, masing-masing pembekal insurans hayat dan takaful keluarga mengumumkan pelantikan selebriti, Hairul Azreen sebagai Duta Jenama syarikat untuk tahun 2019/2020.

Ketua Pegawai Eksekutif & Presiden/ Ketua Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew berkata, pelantikan Hairul Azreen sebagai Duta Jenama Sun Life Malaysia bertujuan membantu rakyat Malaysia mencapai keselamatan kewangan seumur hidup dan hidup lebih sihat.

"Kami teruja untuk bekerja dengan beliau dalam usaha menyebarkan kesan positif kepada rakyat ke arah kehidupan sihat secara kewangan, fizikal dan mental," katanya pada Majlis Pengumuman Pelantikan Hairul Azreen sebagai Duta Sun Life Malaysia Assurance Berhad dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Hairul Azreen, 31, akan muncul dalam pelbagai kempen Sun Life Malaysia bermula Ogos 2019.



**Raymond (kiri) bersalaman dengan Hairul Azreen pada Majlis Pengumuman Perlantikan Hairul Azreen sebagai Duta Sun Life Malaysia Assurance Berhad dan Sun Life Malaysia Takaful Berhad di Kuala Lumpur baru-baru ini.**